

27 JUN 1999

Mahathir-Spratly

DR MAHATHIR PERTAHAN TINDAKAN BINA STRUKTUR BINAAN

LANGKAWI, 27 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempertahankan tindakan Malaysia membina struktur binaan di Terumbu Peninjau dan Terumbu Siput berhampiran Kepulauan Spratly yang berada dalam wilayah negara ini.

Terumbu itu berada dalam lingkungan zon negara ini dan Malaysia tidak mencero bohi wilayah negara lain, katanya selepas melancarkan program "Langkawi Travel Mart" di sini hari ini.

Beliau meminta negara yang terbabit dalam pertikaian kawasan bertindih di kepulauan itu supaya menghormati hak Malaysia mendirikan sebarang struktur binaan di wilayah miliknya.

"Kita harus bina dalam zon kita sahaja dan bukan di luar zon untuk mengkaji tentang iklim dan kita juga ingin menentukan supaya tidak ada pelanggaran kapal serta banyak kajian saintifik mengenai perikanan laut dalam boleh dijalankan di situ," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan akhbar bahawa Filipina bercadang mendirikan struktur binaan di terumbu yang belum diduduki sebagai tindak balas terhadap pembinaan oleh China dan Malaysia di beberapa terumbu yang didakwa berada dalam wilayahnya.

Menjawab soalan sama ada pertikaian terbaru itu boleh menimbulkan ketegangan dalam hubungan, Dr Mahathir berkata beliau tidak nampak isu yang timbul sekarang akan membawa kepada ketegangan dalam hubungan diplomatik kedua-dua negara anggota Asean itu.

"Saya tidak nampak kenapa ia akan terjadi. Kalau Filipina ambil tindakan agresif, ia akan menyebabkan ketegangan tetapi kita tidak akan berbuat sesuatu (yang boleh meimbulkan ketegangan)," katanya.

Beliau berkata Malaysia sepatutnya sudah lama menuntut Terumbu Laksamana "tetapi kita tidak buat, sedangkan Filipina masih lagi mengekalkan tuntutan terhadap Sabah".

"Itupun kita sanggup membincangkan perkara itu demi menjaga kepentingan hubungan baik kita dengan mereka. Jadi kita harap mereka tidak membangkitkan perkara yang mungkin menyebabkan ketegangan dalam hubungan," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia lebih suka menyelesaikan masalah itu melalui perbincangan.

"Masalah Spratly mesti dibincang sebagai satu masalah pelbagai hala kerana perkara itu telah dipersetujui dalam mesyuarat Asean," katanya.

Malaysia, katanya, tidak akan mencadangkan pertemuan antara negara terbabit bagi membincangkan perkara berhubung tuntutan itu tetapi ia akan menyertainya sekiranya ada mana-mana negara mengambil inisiatif mengadakan rundingan.

Beliau berkata pembinaan struktur itu bukan berdasarkan kepada kekayaan hasil bumi seperti gas dan minyak.

Dr Mahathir berkata Malaysia membina struktur itu kerana bimbang negara lain akan berbuat demikian seperti yang berlaku terhadap beberapa terumbu lain sebelum ini.

Filipina telah menduduki Terumbu Laksamana manakala Terumbu Perahu dan Terumbu Amboyna Cay diduduki Vietnam tetapi Malaysia tidak mempersoalkannya, katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata setakat ini beliau tidak tahu sama ada Penerbangan Malaysia (MAS) akan mengikut langkah institusi kewangan untuk mengambil langkah berjaga-jaga terhadap masalah komputer tahun 2000

atau Y2K.

"Setakat ini MAS belum beritahu saya lagi," katanya.

Katanya banyak negara yang berkata bahawa mereka telah mematuhi Y2K tetapi tetap membuat keputusan tidak akan mengadakan penerbangan pada hari itu.

"Bank mereka juga tutup pada hari itu, itu perkara biasa sebagai langkah berjaga-jaga," katanya.

-- BERNAMA

NH AKD